

**DI DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH  
DAERAH SETIU TERENGGANU  
DI NEGERI TERENGGANU**

**DI DALAM PERKARA KESALAHAN JENAYAH SYARIAH  
DI BAWAH SEKSYEN 31 (A) ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH  
(TAKZIR) TERENGGANU 2001**

**JENAYAH NO : 11009-143-0000-20XX**

**ANTARA**

**KETUA PENDAKWA SYARIE  
JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH  
NEGERI TERENGGANU**

**PENDAKWA SYARI'E**

**LAWAN**

**BBMW BIN ABCD  
KP : XXXXXX-11-51XX**

**ORANG KENA TUDUH (OKT)**

**TUDUHAN** ke atas BMW BIN ABCD, **KP : XXXXXX-11-51XX** ORANG KENA TUDUH, telah didengar di dalam mahkamah terbuka, Mahkamah Rendah Syariah Daerah Setiu dalam kehadiran Pendakwa Syari'e dari Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Terengganu, Mohd Azlan bin Mat Nor dengan kehadiran Yang Kena Tuduh dan Mahkamah mempunyai bidangkuasa untuk mendengarnya.

Kehadiran :

Hakim : Tuan Haji Mat Ropi bin Busu  
Orang Kena Tuduh (OKT) : Bbmw bin Abcd  
Pendakwa Syari'e : Mohd Azlam bin Md Noor

Dan sebahagian Orang Ramai

Tarikh : 00/11/20XX  
Hari : Isnin  
Masa : 10.55 am

t.t  
(Mat Ropi bin Busu)  
00.11.20XX

**Pertuduhan di bawah Seksyen 31 (a) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Takzir (Terengganu) 2001.**

SEKSYEN 31 (a)(b)

Mengikut Undang-Undang( Khalwat )

31. Mana-mana –

(a) orang lelaki yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang perempuan yang bukan isteri atau mahramnya ; atau

(b) orang perempuan yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang lelaki yang bukan suami atau mahramnya ;

dimana-mana tempat yang terselindung atau di dalam rumah atau bilik dalam keadaan yang boleh menimbulkan syak bahawa mereka sedang melakukan perbuatan yang tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

t.t  
(Mat Ropi bin Busu)  
00.11.20XX

**Pendakwa Syar'ie** memperkenalkan dirinya kemudian memaklumkan kepada mahkamah bahawa orang yang dituduh (OKT) hadir dan berada di dalam kandang OKT pada ketika ini. OKT bernama BMW BIN ABCD, OKT telah dituduh dengan kesalahan khalwat di bawah Seksyen 31(a) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001.

Seterusnya **Pendakwa Syar'ie** memohon supaya prosiding kes diteruskan dan pertuduhan dibacakan ke atas OKT pada hari ini.

t.t  
(Mat Ropi bin Busu)  
00.11.20XX

**Mahkamah** memberikan kebenaran supaya kata-kata tuduhan dibacakan ke atas OKT.

t.t  
(Mat Ropi bin Busu)  
00.11.20XX

**Pegawai Mahkamah** membaca kata-kata tuduhan ke atas OKT. Kata-kata tuduhan ke atas OKT berbunyi:-

**"Bahawa kamu,pada tarikh 00.01.20XX jam lebih kurang 01.10 pagi, didapati berada bersama dengan seorang perempuan yang bukannya isteri kamu atau mahram kamu iaitu TBR binti CBR kp: 000000-11-56XX bertempat di dalam sebuah bilik N0. XXX, Merang Setiu Terengganu yang mana pada ketika itu keadaan tersebut boleh menimbulkan syak bahawa kamu sedang melakukan perbuatan yang tidak bermoral. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan khalwat di bawah Seksyen 31(a) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama".**

t.t  
(Mat Ropi bin Busu)  
00.11.20XX

Setelah kata-kata tuduhan selesai di baca kepada Orang Kena Tuduh (OKT), Pegawai Mahkamah (PM) bertanya kepada OKT samada faham atau tidak akan tuduhan yang telah dibacakan ke atasnya seperti berikut:.

- PM : Adakah kamu dengar tuduhan yang telah dibacakan terhadap kamu tadi?
- OKT : Ya, saya dengar Yang Arif.
- PM : Adakah kamu faham tuduhan yang telah dibacakan tersebut.
- OKT : Ya, saya faham tuduhan itu.
- PM : Adakah kamu mengaku bersalah di dalam mahkamah pada hari ini atau mengaku tidak bersalah atau mohon lawan bicara?
- OKT : Saya mengaku bersalah Yang Arif.
- PM : Mahkamah memberi peringatan kepada kamu bahawa akibat dari pengakuan salah kamu, jika disabitkan kesalahan ke atas kamu, kamu boleh dihukum dengan hukuman denda tidak melebihi RM 3000.00 atau 2 tahun penjara atau kedua-duanya sekali terpulang kepada budi bicara mahkamah yang mendengar kes kamu pada hari ini.
- PM : Adakah kamu faham akibat pengakuan bersalah yang kamu buat di dalam mahkamah pada hari ini?
- OKT : Ya, saya faham akibatnya iaitu boleh dihukum denda tidak melebihi RM3000.00 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

PM : Mahkamah juga memberi peringatan kepada kamu bahawa setiap kesalahan yang disabitkan melalui pengakuan bersalah, rayuan tidak boleh dibuat melainkan tentang kadar hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah sahaja.

PM : Setelah kamu faham akibat pengakuan bersalah kamu di dalam mahkamah pada hari ini, sekali lagi saya tanya kamu untuk dapatkan kepastian, samada kamu mahu mengekalkan pengakuan bersalah yang telah di buat atau mengubah pengakuan kepada pengakuan tidak bersalah atau kamu mohon lawan bicara?

OKT : Saya mahu kekalkan pengakuan bersalah saya, Yang Arif?

t.t  
(Mat Ropi bin Busu)

00.11.20XX

**Pegawai Mahkamah** memaklumkan kepada Mahkamah bahawa OKT faham pertuduhan, mengaku bersalah atas tuduhan dan mengekalkan pengakuan bersalah yang dibuat.

t.t  
(Mat Ropi bin Busu)

00.11.20XX

Mahkamah juga mencelah dengan mengemukakan beberapa soalan kepada OKT bertujuan memastikan keadaan diri OKT secara mental dan fizikal semasa membuat pengakuan bersalah kepada Mahkamah iaitu:

M : Adakah kamu pada masa ini berada dalam keadaan baik dan boleh berfikir secara waras?

OKT : Ya, saya berada dalam keadaan baik, sihat dan boleh berfikir dengan fikiran yang waras pada masa ini, Yang Arif.

M : Adakah kamu benar-benar faham tuduhan yang telah dibaca kepada kamu sebentar tadi?

OKT : Ya, saya benar-benar faham tuduhan ke atas saya iaitu saya telah dituduh melakukan satu kesalahan khalwat.

M : Adakah kamu benar-benar faham akibat pengakuan bersalah yang kamu buat di dalam mahkamah pada hari ini?

OKT : Ya, saya benar-benar faham akibatnya iaitu saya boleh dihukum denda tidak melebihi RM3000.00 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

Mahkamah berpuashati bahawa OKT faham tuduhan yang dikenakan ke atasnya itu dan faham akibat pengakuan salah yang dibuat olehnya itu. Mahkamah juga mencelah dengan mengemukakan beberapa soalan kepada OKT untuk memastikan bahawa OKT benar-benar mengaku bersalah dan pengakuan salahnya itu dibuat dalam keadaan sukarela dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak atau pengaruh luar.

t.t  
(Mat Ropi bin Busu)

00.11.20XX

M : Sebentar tadi kamu telah membuat pengakuan bersalah atas tuduhan yang telah dibaca kepada kamu. Adakah benar kamu mengaku bersalah atas tuduhan tersebut?

OKT : Ya, benar Yang Arif, saya mengaku bersalah atas tuduhan itu.

M : Adakah kamu telah dipaksa atau diugut oleh orang-orang tertentu atau mana-mana pihak supaya membuat pengakuan bersalah tersebut?

OKT : Tidak Yang Arif, Saya buat pengakuan bersalah atas kerelaan saya sendiri tanpa dipaksa atau diugut oleh mana-mana pihak.

M : Adakah kamu telah diajar atau dijanjikan apa-apa oleh orang-orang tertentu misalnya pegawai penguatkuasa atau oleh mana-mana pihak supaya membuat pengakuan bersalah ini?

OKT : Tidak Yang Arif, Saya buat pengakuan bersalah ini secara sukarela tanpa diajar atau dijanjikan apa-apa oleh sesiapa?

M : Adakah kamu mahu mengekalkan pengakuan salah kamu atau mahu mengubah pengakuan kamu kepada pengakuan tidak bersalah atau mohon dibicarakan?

OKT : Saya mengekalkan pengakuan salah saya, Yang Arif.

**Mahkamah** berpuashati bahawa OKT benar-benar mengaku salah di atas tuduhan yang telah dibacakan ke atasnya itu dan juga berpuashati bahawa OKT membuat pengakuan bersalah adalah secara sukarela tanpa diugut dan tanpa diajar dan tanpa dijanjikan apa-

apa oleh mana-mana orang, di atas tuduhan yang dikenakan ke atasnya setelah diterangkan kepadanya akibat dari pengakuan salahnya.

t.t  
(Mat Ropi bin Busu)  
00.11.20XX

**Mahkamah** berpuashati dengan pengakuan salah yang dibuat oleh **BBMW BIN ABCD**, KP: XXXXXX-11-51XX, di dalam Mahkamah pada hari ini. **Oleh itu Mahkamah sabit pengakuan salah OKT** di bawah Seksyen 31(a) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001.

tt  
(Mat Ropi bin Busu)  
00.11.20XX

**Pendakwa Syar'ie** seterusnya memohon kebenaran Mahkamah untuk mengemukakan fakta-fakta ringkas kes tersebut secara lisan kepada OKT untuk tujuan diambil pengakuan dan persetujuan. Salinannya ada dibuat secara bertulis dan memohon supaya salinan bertulis fakta-fakta ringkas kes itu ditanda sebagai "P 1" .

**Mahkamah** membenarkan permohonan Pendakwa Syar'ie dan mengarahkannya supaya mengemukakan fakta-fakta ringkas kes.

t.t  
(Mat Ropi bin Busu)  
00.11.20XX

**Pendakwa Syar'ie** mengemukakan fakta-fakta ringkas yang melibatkan OKT dan pasangannya secara lisan di dalam Mahkamah. Fakta-fakta ringkas itu menyebut:-

**Bertindak di atas maklumat yang di terima, satu serbuan berwaran telah dilakukan oleh pengadu dan beberapa orang rakan setugas ke atas bilik No XXX, Merang Setiu Terengganu. Pada 00.01.20XX, jam lebih kurang 01.10 pagi, pengadu telah berada di hadapan bilik yang mana pintu tertutup rapat dan berkunci. Pengadu bertindak mengetuk pintu dan memberi salam beberapa kali dan lebih kurang lima minit kemudian pintu dibuka dari dalam oleh seorang lelaki. Pengadu memperkenalkan diri dengan menunjukkan kad kuasa dan waran geledah dan bertindak masuk bagi membuat pemeriksaan lanjut. Hasil pemeriksaan mendapati terdapat seorang perempuan sedang berada di dalam bilik air. Hasil soal siasat**

yang dilakukan mendapati mereka berdua tiada hubungan suami isteri yang sah ataupun mahram.

**Keterangan diri mereka adalah seperti berikut:-**

**Nama Lelaki : BMW BIN ABCD**  
**KPT : XXXXXX-11-51XX**  
**Alamat : Simpang Tiga barat, 21450 Bandar**  
**Permaisuri, Terengganu**  
**Umur : 27 tahun**  
**Pekerjaan : Buruh**  
**Status : Duda**

**Nama Perempuan : TBR BINTI CBR**  
**KPT : 000000-11-56XX**  
**Alamat : Chalok, 21450 Setiu, Terengganu**  
**Umur : 24 tahun**  
**Pekerjaan : Pembantu Kedai**  
**Status : Bujang**

**Pegawai Mahkamah** meminta pengakuan dari OKT mengenai fakta-fakta ringkas kes yang telah dikemukakan secara lisan oleh Pendakwa Syarie iaitu samada fakta-fakta ringkas kes yang telah dikemukakan itu benar, betul dan dipersetujui oleh OKT atau tidak.

PM : Adakah kamu dengar fakta kes yang telah dibacakan kepada kamu oleh pihak pendakwa tadi?

OKT : Ya, saya dengar Yang Arif

PM : Adakah kamu faham fakta kes yang telah dibacakan tersebut?

OKT : Ya, saya faham.

PM : Adakah kamu ada sebarang bantahan terhadap fakta kes yang telah dikemukakan atau kamu bersetuju dengan fakta kes dan mengakui ia adalah benar?

OKT : (Dalam keadaan bersahaja) saya tidak ada bantahan terhadap fakta kes dan saya bersetuju dengan fakta itu.

PM : Kamu perlu faham, apabila kamu tiada bantahan terhadap fakta kes dan bersetuju dengan fakta kes, bererti kamu mengaku apa yang dikemukakan dalam fakta kes tersebut adalah benar dan benar-benar berlaku.

OKT : Ya, saya mengaku fakta kes itu adalah benar dan benar-benar berlaku.

**Pegawai Mahkamah** memaklumkan bahawa OKT dengan jelas membuat kenyataan bahawa fakta-fakta ringkas kes sebagaimana yang telah dikemukakan oleh Pendakwa Syarie itu adalah benar, betul dan dipersetujui oleh OKT.

t.t  
(Mat Ropi bin Busu)  
00.11.20XX

Mahkamah sebelum mensabitkan kesalahan ke atas OKT, sekali lagi mengemukakan soalan kepada OKT bertujuan untuk memastikan bahawa OKT benar-benar faham dan sedar serta bersedia atas akibat pengakuan salah yang telah dibuat.

M : BMW BIN ABCD, adakah kamu mahu mengekalkan pengakuan yang kamu buat kepada Mahkamah pada hari ini atau kamu mahu mengubah pengakuan kamu?

OKT : Saya mengekalkan pengakuan saya, Yang Arif.

t.t  
(Mat Ropi bin Busu)  
00.11.20XX

Sehingga peringkat ini, Mahkamah berpuashati mengenai perkara-perkara berikut:-

1. Bahawa OKT faham pertuduhan yang telah dibuat ke atasnya.
2. Bahawa OKT faham keadaan dan akibat pengakuan salah dan terus membuat pengakuan bersalah berhubung tuduhan yang dikenakan ke atasnya secara sukarela tanpa dipaksa.
3. Bahawa pertuduhan ke atas OKT ada diperuntukkan mengenai kesalahannya dari segi undang-undang.



4. Bahawa fakta-fakta kes yang dikemukakan oleh Pendakwa Syarie yang mana telahpun dipersetujui oleh OKT, menunjukkan ada terdapatnya kesalahan yang telah dilakukan oleh OKT.

Oleh yang demikian, Mahkamah dengan ini **SABITKAN BERSALAH** ke atas kamu BMW BIN ABCD, KP: XXXXXX-11-51XX, dengan kesalahan khalwat di bawah Seksyen 31(a) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001.

t.t  
(Mat Ropi bin Busu)  
00.11.20XX

Mahkamah seterusnya mengarahkan yang kena tuduh/OKT membuat rayuan hukuman (*mitigation*).

t.t  
(Mat Ropi bin Busu)  
00.11.20XX

**OKT membuat rayuan terhadap hukuman (*MITIGATION*)**

1. Assalamualaikum Yang Arif, Saya merayu supaya hukuman denda ke atas saya dikurangkan.  
(Dalam pemerhatian Mahkamah, OKT semasa membuat rayuan kelihatan bersahaja dan tidak memperlihatkan kekesalan).

Mahkamah sekali lagi mengarahkan OKT supaya terus membuat rayuan kerana peluang rayuan masih diberikan. OKT hanya mendiamkan diri sahaja dan menjawab secara bersahaja supaya hukuman terhadapnya diringankan dan tidak di penjarakan.

t.t  
(Mat Ropi bin Busu)  
00.11.20XX

Pihak Pendakwaan berhujah secara lisan dengan mengatakan bahawa kes OKT ini merupakan kesalahan yang amat-amat serius mengikut hukum syara' dan undang-undang berdasarkan kepada beberapa faktor pemberatan iaitu:-

- i. **Waktu kejadian**- kejadian berlaku pada waktu tengah malam iaitu lebih kurang jam 01.10 pagi. Pada waktu tersebut merupakan waktu bagi manusia sejagat untuk beristirahat dan tidur setelah seharian melakukan kerja. Manakala umat Islam digalakkan untuk rehat dan tidur lebih awal agar bersedia untuk bangun melakukan solat tahajud, hal ini kerana Rasulullah

SAW juga tidur selepas isyak sehingga dia segera bangun untuk mengerjakan solat malam. Namun, malangnya OKT dan pasangannya pada masa dan keadaan tersebut sedang melakukan perbuatan mungkar yang amat dilarang oleh agama sebagaimana dalam fakta kes kejadian ( P1).

- ii. **Tempat kejadian** – kejadian berlaku di dalam sebuah bilik No. XXX, Merang Setiu Terengganu. Apabila OKT berada dalam bilik tersebut, tiada siapa yang tahu apakah yang berlaku atau dilakukan oleh OKT dan pasangannya itu serta mereka bebas untuk melakukan apa sahaja tanpa perlu merasa takut dan bimbang serta malu untuk melakukan perbuatan tidak bermoral begitu di dalam bilik tersebut, sedangkan OKT dan pasangannya itu tidak mempunyai sebarang ikatan yang membolehkan mereka berada dalam keadaan sebegitu. Tetapi oleh kerana OKT dan pasangannya telah dikuasai oleh hawa nafsu, OKT sanggup menyewa bilik di Merang semata-mata untuk melakukan perbuatan tersebut.
- iii. **Rekod tangkapan**- kes tangkapan khalwat tidak berkurangan di Terengganu, khususnya di daerah Setiu.

Pendakwa juga berhujah secara lisan untuk menegaskan seriusnya kes OKT, dimana antara komentar dan hujahan pihak Pendakwa ialah:

1. Pendakwa Syarie memohon Mahkamah mempertimbangkan suatu hukuman yang sewajarnya agar dapat dijadikan peringatan dan mendatangkan rasa gerun bukan sahaja kepada OKT tetapi lebih dari itu kepada masyarakat di luar untuk tidak melakukan kesalahan yang sama seterusnya dapat membendung kejadian jenayah ini daripada terus berleluasa.

Kesimpulannya, Pendakwa mohon OKT dijatuhkan hukuman yang boleh menyedarkan dan memberi peringatan sampai bila-bila kepada bukan sahaja kepada OKT sendiri bahkan masyarakat awam supaya lebih berhati-hati untuk tidak terjebak dalam kesalahan yang sama ini.

t.t  
(Mat Ropi bin Busu)

00.11.20xx

Pendakwa memohon supaya OKT dikenakan hukuman seberat-beratnya dan dipenjarakan atau dihantar ke mana-mana pusat pemulihan. Pada hari ini pendakwa

tidak melihat pun OKT telah insaf dan menyesal atas perbuatannya itu. Oleh itu hukuman berat adalah dipohon.

t.t  
(Mat Ropi bin Busu)

00.11.20XX

### **HUKUMAN MAHKAMAH**

**SAYA SABITKAN** kamu **BMW BIN ABCD KP : XXXXXX-11-51XX** dengan kesalahan melakukan khalwat di bawah seksyen 31(a) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 di atas iqrar (pengakuan salah) kamu, **DAN SAYA HUKUM** ke atas kamu dengan hukuman Denda sebanyak RM 1,500.00 atau penjara dua bulan sekiranya gagal membayar denda. Hukuman berkuatkuasa serta merta.

**DIBERI** dengan ditandatangani oleh saya dan dimeterai dengan Meterai Mahkamah Rendah Syariah Terengganu pada hari ini Isnin , 23 November 2020.

METERAI

HAKIM SYARIE

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH  
DI DAERAH SETIU  
DI NEGERI TERENGGANU

DI DALAM PERKARA KESALAHAN JENAYAH SYARIAH  
DI BAWAH SEKSYEN 31 (A) ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH  
(TAKZIR) TERENGGANU 2001

JENAYAH NO : 11009-143-0000-20XX

ANTARA

**KETUA PENDAKWA SYARIE  
JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH  
NEGERI TERENGGANU**

**PENDAKWA SYARI'E**

**LAWAN**

**BBMW BIN ABCD  
KP : XXXXXX-11-51XX**

**ORANG KENA TUDUH (OKT)**

DI HADAPAN TUAN HAKIM  
TUAN HAJI MAT ROPI BIN BUSU, PJK.,  
HAKIM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH  
DAERAH SETIU TERENGGANU

DALAM MAHKAMAH TERBUKA  
PADA HARI ( ISNIN ) 00 RABIUL AKHIR 14XXH  
BERSAMAAN 00 NOVEMBER 20XX

TUDUHAN ke atas BBMW BIN ABCD, KP : XXXXXX-11-51XX ORANG KENA TUDUH , telah didengar di dalam Mahkamah Terbuka, Mahkamah Rendah Syariah Daerah Setiu Terengganu dalam kehadiran Pendakwa Syari'e dari Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Terengganu, Mohd Azlan bin Mat Nor dengan kehadiran Orang Yang Kena Tuduh yang hadir secara bersendirian, **DAN PADA HARI INI TUAN HAKIM MEMBUAT ALASAN PENGHAKIMAN SEPERTI BERIKUT:**

Kes yang disebut dan didengar di hadapan Saya ini ialah Tuduhan berkhawat di bawah seksyen 31(a) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 dan jika disabitkan kesalahan, boleh dikenakan hukuman

mengikut di bawah seksyen dan Enakmen yang sama iaitu boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali. Orang Kena Tuduh (OKT) bernama BMW BIN ABCD, KP : XXXXXX-11-51XX

**{ BIDANG KUASA MAHKAMAH }**

Kes yang dibawa di hadapan Saya ini mengikut undang-undang adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah sebagai bidang kuasa asal dan juga Mahkamah Rendah Syariah dan di kategorikan sebagai kes "*kesalahan boleh tangkap*". Perkara ini telah diperuntukkan di dalam seksyen 11 Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 dan hendaklah dibaca bersama dengan seksyen 12 Enakmen yang sama.

Subseksyen 11 (3) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 memperuntukkan;

Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah –

- (a) Dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang orang Islam dan boleh dihukum di bawah Enakmen ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang sedang berkuatkuasa yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam, dan boleh mengenakan apa-apa hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

Subseksyen 12 (2) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 memperuntukkan;

Mahkamah Rendah Syariah hendaklah –

- (a) Dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang orang Islam di bawah

Enakmen ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang sedang berkuatkuasa yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam yang baginya hukuman maksimum yang diperuntukkan oleh Enakmen atau mana-mana undang-undang bertulis itu tidak melebihi tiga ribu ringgit, atau pemenjaraan selama tempoh dua tahun atau kedua-duanya, dan boleh mengenakan mana-mana hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

Bidang kuasa Mahkamah adalah amat penting untuk diambil perhatian kerana isu bidang kuasa satu-satu Mahkamah juga sebenarnya telah lama disentuh oleh perundangan Islam atau Hukum Syara' dan sebenarnya telah menjadi sebahagian dari Hukum Syara' itu sendiri. Antaranya sebagaimana dinyatakan oleh Muhammad Salam Madkur di dalam kitabnya berjudul *al-Qada' fi Islam*, terbitan Matba'ah al-<sup>c</sup>Alamiyyah, Kaherah, 1994, yang mana pada halaman 54 beliau menyebut ;

هو أن يخص ولي الأمر القاضي عند تقليده القضاء أو بعد ذلك بنوع معين من القضايا ، كالأحوال الشخصية ، أو المدني ، أو التجاري ، أو الجنائي الى غير ذلك ، فلا يصح له أن ينظر في نوع آخر غيره

Yang bererti:

*“Bidang kuasa mengikut jenis kes ialah pemerintah mengkhususkan bidang kuasa ke atas seseorang hakim semasa perlantikan hakim itu atau selepas perlantikan di buat dengan menentukan bahawa hakim itu mempunyai bidang kuasa tertentu sahaja seperti diberi bidang kuasa bagi mengendalikan undang-undang diri, undang-undang sivil, undang-undang perdagangan atau bagi undang-undang jenayah dan seumpamanya; Oleh yang demikian, Hakim itu hanya berbidangkuasa bagi kes-kes yang ianya diberi bidang kuasa sahaja dan Hakim itu tidak boleh melaksanakan bidangkuasa yang tidak diberi kepadanya.*

Mengikut undang-undang, kesalahan dibahagikan kepada dua jenis iaitu "*kesalahan boleh tangkap*" dan "*kesalahan tak boleh tangkap*". Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001, Enakmen Terengganu Bil. 5 Tahun 2001 sebagaimana diperuntukkan di dalam subseksyen 2 (1) telah memberikan tafsiran berkanun mengenai kedua-dua jenis kesalahan tersebut iaitu;

"*Kesalahan boleh tangkap*"; iaitu sesuatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh satu tahun atau lebih yang baginya pada lazimnya Pegawai penguatkuasa Syariah atau Pegawai Polis boleh menangkap tanpa waran.

"*Kesalahan tak boleh tangkap*"; iaitu sesuatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh kurang daripada satu tahun atau dengan denda sahaja yang baginya pada lazimnya Pegawai Penguatkuasa Syariah atau Pegawai Polis tidak boleh menangkap tanpa waran.

Mengikut peruntukan ini, Saya berpuashati bahawa kes yang disebut dan didengar di hadapan Saya ini adalah kes yang diklasifikasikan sebagai *kes kesalahan boleh tangkap*.

Kesalahan di bawah seksyen 31 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 dan jika disabitkan kesalahan, boleh dikenakan hukuman mengikut di bawah seksyen dan Enakmen yang sama iaitu boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali. Dari peruntukan Enakmen Terengganu Bil. 3 Tahun 2001 dan Enakmen Terengganu Bil. 7 Tahun 2001 itu, jelaslah bahawa kes yang dibawa di hadapan Saya ini adalah kes di bawah bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu sebagai bidangkuasa asal dan Mahkamah Rendah Syariah juga mempunyai bidangkuasa untuk mendengarnya.

Seterusnya, oleh kerana penubuhan Mahkamah Rendah Syariah adalah diasaskan kepada had sempadan daerah di mana Mahkamah Rendah Syariah itu diwujudkan, terdapat satu peruntukan yang menghadkan bidangkuasa Mahkamah Rendah Syariah tersebut bersesuaian dengan penubuhannya yang berdasarkan kepada batasan sempadan daerah itu sendiri.

Seksyen 67 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001 memperuntukkan;

(67) Tiap-tiap kesalahan hendaklah pada lazimnya dibicarakan oleh Mahkamah yang di dalam had bidangkuasa tempatannya kesalahan itu dilakukan.

Di dalam versi Inggerisnya,

*“Every offence shall ordinarily be tried by a court within the local limits of jurisdiction it was committed”.*

Perkataan *“shall ordinarily”* dimaksudkan sebagai *“hendaklah pada lazimnya”* yang membawa erti mesti dibicarakan ditempat di mana kesalahan itu dilakukan dan tidak boleh di tempat yang selain itu.

Oleh kerana itu, Mahkamah Rendah Syariah Daerah Setiu Terengganu ini ditubuhkan di dalam daerah Setiu Terengganu dan hanya mempunyai bidangkuasa untuk mendengar kes-kes kesalahan yang berlaku dalam sempadan daerah Setiu Terengganu sahaja dan tidak berbidang kuasa untuk mendengar mana-mana kes kesalahan yang dilakukan di luar dari sempadan daerah Setiu Terengganu. Keadaan ini berbeza dengan Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu yang mana bidang kuasanya adalah merangkumi seluruh kawasan dan melangkau sempadan seluruh daerah negeri Terengganu dan juga mempunyai bidang kuasa asal Mahkamah itu sendiri sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang.



Berdasarkan pertuduhan yang dikemukakan oleh pihak Pendakwa, Saya berpuashati bahawa kesalahan yang dilakukan oleh OKT ini adalah dilakukan di sebuah bilik beralamat No. 12 G-Rimbun, Merang Setiu, Terengganu, iaitu di dalam sempadan daerah Setiu Terengganu. *Oleh itu, Saya berpuashati dan berpendapat bahawa kes yang dibawa ke hadapan saya ini adalah kes di bawah bidangkuasa Mahkamah Rendah Syariah Setiu Terengganu dan Mahkamah ini adalah berbidang kuasa untuk mendengarnya.*

#### { UNSUR-UNSUR KESALAHAN }

Pertuduhan kes yang disebut dan didengar di hadapan saya ini iaitu tuduhan ke atas OKT, BMW BIN ABCD KP : XXXXXX-11-51XX, bahawa OKT bersama dengan pasangannya iaitu TBR BINTI CBR KP: 000000-11-5644 melakukan perbuatan sebagai berkhalwat. OKT dituduh berkhalwat pada tarikh 00.01.20XX lebih kurang jam 01.10 pagi, bertempat di dalam sebuah bilik No. XXX, Merang Setiu Terengganu di bawah seksyen 31 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 dan jika disabitkan, boleh dikenakan hukuman mengikut di bawah seksyen 31 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 tersebut, iaitu boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau dihukum dengan kedua-dua hukuman itu.

#### PERUNTUKAN SEKSYEN 31 (a) (b)

Mengikut Undang-Undang Khalwat

31. Mana-mana –

- (a) orang lelaki yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang perempuan yang bukan isteri atau mahramnya ; atau
- (b) orang perempuan yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang lelaki yang bukan suami atau mahramnya ;

dimana-mana tempat yang terselindung atau di dalam rumah atau bilik dalam keadaan yang boleh menimbulkan syak bahawa mereka sedang melakukan perbuatan yang tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

### { UNSUR-UNSUR UTAMA KESALAHAN }

Pada pendapat saya terdapat dua ( 2 ) unsur utama yang perlu dijelaskan dalam kesalahan ini iaitu;

1. *Apakah hubungan antara OKT dan pasangannya?*
2. *Wujudnya perbuatan OKT dan pasangannya melakukan Khalwat?*

**Unsur Pertama** yang perlu dijelaskan ialah, *apakah hubungan antara OKT dan pasangannya?* Menjawab kepada unsur ini, di dalam fakta pertuduhan, dikatakan bahawa OKT adalah tidak terhalang untuk berkahwin dengan mana-mana pasangannya mengikut Hukum Syara'. OKT telah membuat pengakuan mengenai fakta ini. Walau pun begitu, di dalam pertuduhan mahupun di dalam fakta ringkas kes yang telah dikemukakan di dalam Mahkamah ini dan juga diakui oleh OKT, tidak di "illustrate" bagaimana yang dikatakan bahawa OKT adalah tidak terhalang dari berkahwin dengan pasangannya. Mengikut Hukum Syara' seseorang lelaki diharamkan berkahwin dengan perempuan tertentu sebagaimana yang difirmankan Allah S.W.T. :-

حرمت عليكم أمهاتكم وبناتكم وأخواتكم وعماتكم وخلاتكم وبنات الأخ وبنات الأخت وأمهاتكم التي أرضعنكم وأخواتكم من الرضعة وأمهات نسائكم وربائبكم التي في حجوركم من نسائكم التي دخلتم بهن فإن لم تكونوا دخلتم بهن فلا جناح عليكم وحلائل أبنائكم الذين من أصلبكم وأن تجمعوا بين الأختين إلا ما قد سلف إن الله كان غفورا رحيمًا

(Ayat 23 : Surah Nisa')

Yang bermaksud:

*“Diharamkan kamu berkahwin dengan (perempuan-perempuan yang berikut) : ibu-ibu kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan saudara-saudara bapa kamu, dan saudara-saudara ibu kamu, dan anak-anak saudara kamu yang lelaki, dan anak-anak saudara kamu yang perempuan, dan ibu-ibu yang telah menyusukan kamu, dan saudara-saudara susuan kamu, dan ibu-ibu isteri kamu, dan anak-anak tiri yang dalam pemeliharaan kamu dari isteri-isteri yang telah kamu campuri; tetapi kalau kamu belum campuri mereka (isteri kamu) itu (dan kamu telah pun menceraikan mereka), maka tiadalah salah kamu (berkahwin dengannya). Dan (haram juga kamu berkahwin dengan) bekas isteri anak-anak kamu sendiri yang berasal dari benih kamu. Dan diharamkan kamu menghimpunkan dua beradik sekali (menjadi isteri-isteri kamu), kecuali yang telah berlaku pada masa yang lalu, Sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”.*

*Atas pengakuan OKT, Saya berpuashati bahawa OKT adalah tidak mempunyai apa-apa halangan untuk berkahwin pasangannya iaitu Syahirah Nadhira binti Mohamad di bawah Hukum Syarak sama ada dengan sebab nasab keturunan atau susuan atau pun juga persemendaan.*

**Unsur Kedua** dalam pertuduhan ini mengikut pendapat Saya *ialah perbuatan OKT berada bersama dengan seorang perempuan yang bukannya isteri atau mahram* pada tarikh 26.01.2020 lebih kurang jam 01.10 pagi, bertempat di dalam sebuah bilik telah didapati melakukan Khalwat dengan pasangannya. Dan di dalam fakta ringkas yang dikemukakan di dalam Mahkamah ini oleh pegawai Pendakwa Syarie menyebut bahawa OKT telah mengaku telah melakukan Khalwat semasa tangkapan dibuat ke atas mereka bertiga. Fakta-fakta ini diakui oleh OKT di dalam Mahkamah ini pada hari ini dan tidak meragukan Mahkamah.

Antara elemen-elemen yang didapati dalam perbuatan yang dilakukan oleh OKT dan pasangannya semasa ditangkap, yang boleh dianggap sebagai Perbuatan berkhalwat;

1. Keadaan perlakuan OKT berada bersama dengan seorang perempuan yang bukan mahramnya di dalam sebuah bilik semasa tangkapan di buat,
2. Semasa tangkapan keadaan OKT boleh menimbulkan syak melakukan perbuatan yang tidak bermoral dengan pasangannya,

3. Keadaan persekitaran ketika itu ialah waktu tengah malam iaitu lebih kurang jam 01.10 pagi dan tempat kejadian berlaku ialah di dalam sebuah bilik. Fakta ini dibuktikan melalui fakta kes (P1) hasil pemeriksaan, didapati seorang perempuan berada di dalam bilik tersebut.
4. Berdasarkan fakta tersebut juga Pendakwa berhujah bagaimanakah boleh berlaku situasi seorang lelaki berada di dalam sebuah bilik yang mempunyai seorang wanita yang tidak mempunyai apa-apa hubungan yang menghalalkan mereka berbuat begitu. Pendakwa berhujah bahawa keadaan OKT yang sanggup menyewa bilik di sebuah resort adalah cukup untuk menunjukkan wujud perbuatan berkhalwat antara OKT dan pasangannya.

Berdasarkan kepada 4 elemen yang dinyatakan tersebut yang wujud dalam perlakuan dan perbuatan OKT dan pasangannya semasa ditangkap dan melalui pengakuan OKT sendiri secara sukarela, *Saya berpuashati dan berpendapat bahawa keempat-empat elemen tersebut telah menunjukkan dengan jelas bahawa perbuatan OKT dan pasangannya dalam keadaan sedemikian adalah satu perbuatan khalwat.* Keadaan perlakuan dan perlakuan OKT dan pasangannya itu telah menjadi satu *qarinah* atau fakta yang berkaitan yang menunjukkan kepada wujudnya perbuatan tersebut dengan sebenarnya.

Berdasarkan kepada elemen-elemen tersebut di atas juga, saya berpuas hati dan berpendapat bahawa 2 unsur kesalahan mengikut prinsip perundangan jenayah Sivil "*mens rea*" iaitu niat melakukan kesalahan dan "*actus reus*" iaitu perlakuan atau perbuatan salah adalah wujud dalam perlakuan atau perbuatan OKT dan pasangannya itu.

Mengikut ajaran Islam, terdapat tiga bentuk atau bahagian jenayah, iaitu qisas, hudud dan takzir. Setiap bahagian ada hukuman-hukumannya yang telah diberi panduan oleh Syarak dan dihuraikan oleh ulamak. Yang membezakan antara

satu bahagian jenayah dengan jenayah yang lain ialah nas Syarak dan tafsiran ulamak mengenai dengannya. Hukuman ada kalanya dikenakan hudud, *qisas*, *kaffarah*, *diyah* atau takzir. Pembahagian sebegini disebut oleh Dato' Dr. Monir bin Yaacob, dalam buku bertajuk "*Tinjauan Kepada Perundangan Islam*" terbitan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), cetakan kedua 1996, halaman 81.

Persoalannya, apakah jenis jenayah mengikut Hukum Syarak bagi kesalahan Khalwat sebagai mana yang dituduh ke atas OKT dan pasangannya? Berdasarkan fakta-fakta yang diakui oleh OKT dan pasangannya di dalam kes ini dan pertuduhan yang dikenakan ke atas OKT, saya berpendapat jenayah yang dibuat tuduhan ke atas OKT dan pasangannya adalah jenayah takzir. Di dalam kitab *al-Fiqh al-Islamiyy wa Adillatuhu*, cetakan Dar Fikr, Damsyek, Syria, cetakan yang ketiga, 1409H/1989M, Juzuk Keenam, halaman 197 takzir ditakrifkan sebagai;

وهو شرعا العقوبة المشروعة على معصية أو جناية لا حد فيها ولا كفارة سواء أكانت الجناية على حق الله تعالى كالأكل في نهار رمضان بغير عذر وترك الصلاة في رأي الجمهور والربا وطرح النجاسة ونحوها في طريق الناس ونحوها أم على حق العباد كمباشرة الأجنبية فيما دون الفرج وسرقة ما دون النصاب أو السرقة من غير حرز وخيانة الأمانة والشوة أو القذف بغير الزنى من أنواع السب والضرب والايذاء بأي وجه مثل أن يقول الرجل لاخر يا فاسق يا خبيث يا سارق يا فاجر يا كافر يا اكل الربا يا شارب الخمر ونحوها

Yang bererti;

"Dari segi syaraknya takzir diertikan sebagai pembalasan yang disyariatkan kerana sesuatu maksiat atau kesalahan jenayah yang tidak ada peruntukan pembalasan had dan *kaffarah* sama ada ia berkaitan dengan hak Allah atau hak manusia. Hak Allah seperti, makan pada siang hari dalam bulan Ramadhan tanpa uzur, meninggalkan sembahyang menurut Jumhur, mengamalkan riba, melempar najis dan seumpamanya di jalanan yang dilalui oleh manusia dan lain-lain lagi. Hak manusia pula seperti, bersenggama antara

pasangan yang tidak bernikah selain pada kemaluan perempuan, mencuri barang pada kadar yang tidak cukup nisab (bagi dikenakan hukuman had), mencuri harta benda dalam simpanan, mengkhianati amanah dan rasuah, melemparkan tuduhan melulu kepada seseorang selain tuduhan berzina yang terdiri daripada pelbagai jenis maki hamun, pukulan dan penghinaan dengan apa cara sekali pun. Umpamanya seseorang berkata kepada seseorang lain, "Wahai orang fasiq," "Wahai pengotor," "Wahai pencuri," "Wahai kafir," "Wahai orang jahat," "Wahai pemakan riba," "Wahai peminum arak," dan sebagainya."

Berkenaan dengan perkara Ta'zir, di dalam kitab *Mughni al-Muhtaj* di dalam bab kitab *al-Aysribah Fasl al- Ta'zir* halaman 522 jilid kelima ada dinyatakan nas-nas berikut ;

( يعزر في كل معصية لا حد لها ولا كفارة) سواء أكانت حقا لله تعالى أم لآدمي ،  
وسواء أكانت من مقدمات ما فيه حد كمباشرة أجنبية في غير الفرج ، وسرقة ما لا  
قطع فيه، والسب بما ليس بقذف أم لا كالتزوير وشهادة الزور والضرب بغير حق  
ونشوز المرأة ومنع الزوج حقها مع القدرة.

Terjemahannya;

"Dikenakan hukuman ta'zir ke atas semua maksiat (kesalahan) yang tiada hukuman Hadd dan Kaffarah, sama ada kesalahan tersebut adalah Hak Allah atau hak manusia, sama ada kesalahan tersebut merupakan mukaddimah kepada kesalahan yang padanya hukuman Hadd seperti menggauli perempuan ajnabi selain dari faraj, mencuri sesuatu yang tidak dikenakan Hadd potong tangan, mencela sesuatu yang tidak termasuk dalam Qazaf seperti pemalsuan, kesaksian palsu, memukul secara tanpa hak, seorang suami tidak menunaikan hak isteri sedangkan dia adalah mampu".

Sabitkan di dalam kes OKT dan pasangannya ini adalah berdasarkan *iqrar*. Saya berpendapat adalah perlu dijelaskan sabitan ke atas pertuduhan mengikut *iqrar* OKT. *Iqrar* adalah merupakan salah satu cara pembuktian yang terkuat dalam Hukum Syara'. Tidak terdapat perselisihan pendapat di kalangan ahli-ahli perundangan Islam (fuqaha') mengenainya. Ianya sabit berdasarkan nas al-Qur'an dan al-Sunnah. Antaranya firman Allah S.W.T.;

يأيها كونوا قوامين لله بالقسط شهداء ولو على أنفسكم أو الولدين والأقربين  
الذين ءامنوا

(sebahagian ayat 135 dari Surah al-Nisa')

Yang bermaksud:

*"Wahai orang-orang yang beriman ! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekali pun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu... "*

Yang dimaksudkan dengan kesaksian ke atas diri kamu sendiri di dalam ayat di atas itulah *iqrar*. *Iqrar* mengikut Hukum Syarak sebagaimana yang disebut oleh Zainuddin al-Malibariy dalam kitab *Fanat al-Talibin*, yang mana selesai dikarang keseluruhannya pada 23 Syawal 1300, juzuk ketiga, halaman 187 ada menyebut;

هو لغة الاثبات وشرعا اختيار الشخص بحق عليه ويسمى اعترافا

Yang bererti;

*"Iqrar dari segi bahasa bererti mensabitkan, manakala mengikut syarak diertikan sebagai memberitahu hak seseorang atas diri pemberitahu itu. Iqrar disebut juga sebagai iktiraf".*

Al-Shaykh Shams al-Din Muhammad bin Ahmad al-Sharbini al-Khatib, meninggal dunia dalam tahun 977 Hijriyyah, di dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj*, jilid kedua, pada halaman 238 menyebut;

واركانه اربعة مقر ومقر له وصيغة ومقر به

Yang bererti;

*"Rukun iqrar itu ada empat perkara iaitu muqirrun (orang yang melafazkan iqrar), muqarrun lahu (orang/pihak yang diberikan iqrar untuknya oleh pembuat iqrar), sighth (ucapan atau kata-kata iqrar), dan muqirrun bihi (hak atau kepentingan yang diiktiraf oleh orang yang beriqrar)."*

Seksyen 17, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 memperuntukkan;

- (1) *Iqrar* ialah suatu pengakuan yang dibuat oleh seseorang, secara bertulis atau lisan atau dengan isyarat, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap seseorang lain berkenaan dengan sesuatu hak.
- (2) Sesuatu *iqrar* hendaklah dibuat -
  - (a) di dalam Mahkamah, di hadapan Hakim; atau
  - (b) di luar Mahkamah, di hadapan dua orang saksi lelaki yang *'aqil, baligh* dan *'adil*.
- (3) Sesuatu *iqrar* yang berhubungan dengan apa-apa fakta persoalan atau fakta relevan ialah *qarinah*.

Di dalam kes di hadapan Saya ini, unsur-unsur berikut bagi OKT diberi pertimbangan ;

1. Setelah selesai Pegawai Mahkamah membaca kata-kata tuduhan ke atas OKT, OKT membuat pengakuan dengan jelas bahawa dia faham akan kata-kata tuduhan yang telah dibacakan ke atas dirinya. Mahkamah mencelah sama ada pada ketika ini, OKT sihat atau tidak. OKT menjelaskan bahawa dia seorang yang sihat dan waras fikiran. Mahkamah mencelah lagi dengan meminta penjelasan daripada OKT, apakah yang dia faham mengenai kata-kata tuduhan yang telah dibacakan ke atasnya. OKT menjelaskan bahawa dia dituduh telah melakukan satu kesalahan Khalwat dengan berada bersama seorang wanita iaitu TBR BINTI CBR. Sekali lagi Mahkamah mencelah untuk memastikan bahawa OKT faham akan kata-kata tuduhan ke atasnya dan sekali lagi OKT dengan terang tanpa mengambil masa yang panjang mengaku faham akan kata-kata tuduhan ke atasnya itu.

Keadaan ini menunjukkan bahawa OKT telah membuat pengakuan secara lisan, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap Pemerintah melalui Pegawai Pendakwa Syarie (yang memperuntukkan melalui undang-undang bahawa adalah satu kesalahan Khalwat dengan sesuatu hak



iaitu dituduh telah melakukan khalwat dengan pasangannya, Pengakuan secara lisan OKT itu dibuat di dalam Mahkamah iaitu Mahkamah Rendah Syariah Setiu Terengganu pada 23 November 2020 dan di hadapan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Setiu Terengganu, iaitu saya sendiri. Oleh yang demikian, Saya berpuashati bahawa rukun *iqrar* sebagai mana kehendak Hukum Syarak dan peruntukan seksyen 17 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 telah disempurnakan. *Oleh yang demikian, pada peringkat kata-kata tuduhan, yang mengandungi butir-butir kesalahan, dibaca ke atas OKT, saya berpuashati bahawa OKT faham akan tuduhan yang dikenakan ke atasnya.*

2. Setelah Pegawai Mahkamah bertanya kepada OKT sama ada; OKT tidak mengaku salah, atau minta dibicarakan atau mengaku salah. OKT dengan terang dan nyata mengaku salah. Mahkamah mencelah dengan meminta penjelasan daripada OKT, apakah yang dia faham mengenai mengaku salah ke atas kata-kata tuduhan yang telah dibacakan ke atasnya. OKT menjelaskan bahawa dia mengaku salah di atas tuduhan ke atasnya bahawa dia telah dituduh melakukan Khalwat dengan berada bersama seorang wanita yang bernama Syahirah Nadhira binti Mohamad. Sekali lagi Mahkamah mencelah untuk memastikan bahawa OKT faham akan pengakuan salahnya itu, dan sekali lagi OKT dengan terang tanpa mengambil masa yang panjang mengaku bersalah di atas kata-kata tuduhan yang telah dibacakan ke atasnya

Oleh yang demikian, pada peringkat mendapat kepastian daripada OKT sama ada OKT tidak mengaku salah, atau minta dibicarakan atau mengaku salah dengan kata-kata tuduhan, yang mengandungi butir-butir kesalahan, dibaca ke atas OKT, *Saya berpuashati bahawa OKT mengaku salah di atas tuduhan yang telah dibacakan ke atasnya itu.*

3. Setelah itu, Pegawai Mahkamah menjelaskan kepada OKT, bahawa atas pengakuan salahnya itu OKT boleh dikenakan hukuman didenda tidak melebihi RM 3,000 atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau dihukum dengan kedua-dua hukuman itu sekali mengikut peruntukan di bawah seksyen 31 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001. OKT dengan

terang membuat pengakuan bahawa dia tetap mengaku salah di atas tuduhan ke atasnya sebagaimana yang telah dibaca sebentar tadi. Mahkamah mencelah, sama ada OKT telah diugut oleh orang tertentu atau oleh mana-mana pihak supaya membuat pengakuan bersalah ini. OKT menjelaskan kepada Mahkamah bahawa pengakuan bersalah yang dibuat olehnya ini adalah secara sukarela tanpa diugut oleh mana-mana pihak. Mahkamah sekali lagi mencelah, sama ada OKT telah diajar oleh orang tertentu, misalnya Pegawai Penguatkuasa atau oleh mana-mana pihak supaya membuat pengakuan bersalah ini. OKT menjelaskan kepada Mahkamah bahawa pengakuan bersalah yang dibuat olehnya ini adalah secara sukarela tanpa diajar supaya mengaku salah oleh mana-mana pihak.

Pengakuan secara lisan OKT itu dibuat di dalam Mahkamah iaitu Mahkamah Rendah Syariah Daerah Setiu Terengganu di hadapan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Setiu Terengganu, iaitu saya sendiri. Oleh yang demikian, saya berpuas hati bahawa rukun *iqrar* sebagaimana kehendak Hukum Syarak dan peruntukan seksyen 17 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 telah disempurnakan.

*Iqrar* yang dibuat oleh OKT ini, pada pendapat saya hendaklah diterima, kerana tidak ada alasan yang membolehkan *iqrar* itu tidak boleh diterima. *Iqrar* yang tidak boleh diterima mengikut Hukum Syarak telah pun *ditaqnin* di dalam undang-undang. Ianya adalah sebagaimana diperuntukkan di dalam seksyen 18 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001. Seksyen 18 Enakmen Terengganu Bil. 6 Tahun 2001 itu memperuntukkan;

- (1) *Iqrar* yang berikut tidak boleh diterima:
  - (a) *iqrar* seseorang yang tidak '*aqil baligh*;
  - (b) tertakluk kepada subseksyen (2), *iqrar* orang belum dewasa;
  - (c) *iqrar* orang gila atau orang terencat akal (*ma'tuh*);

- (d) *iqrar* wali atau penjaga yang dibuat bagi pihak seseorang yang di bawah jagaan atau tanggungjawabnya;
- (e) *iqrar* yang tidak dibuat secara sukarela; atau
- (f) *iqrar* seseorang yang dihalang di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk mentadbirkan hartanya  
(*Mahjur 'alaih*)

Mahkamah berpuashati bahawa OKT mengaku salah adalah secara sukarela, tanpa diugut dan tanpa diajar oleh mana-mana orang, di atas tuduhan yang dikenakan ke atasnya setelah diterangkan kepadanya akibat dari pengakuan salahnya.

Berkait dengan penerimaan *iqrar*, Saya merujuk satu kes yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Ulang Bicara Mahkamah Syariah Negeri Sembilan. Walaupun kes yang dirujuk ini adalah mengenai kes mal, iaitu mengenai mensabitkan perceraian, tetapi asas penerimaan *iqrar* ada dibangkitkan di dalam kes itu. Dalam kes *Mustafa bin Batcha lawan A. Habeeba* JH [1412], 255, Jawatankuasa Ulang Bicara Mahkamah Syariah Negeri Sembilan antara lain berpendapat;

“Walaupun *iqrar* merupakan salah satu cara pembuktian yang terkuat dalam Hukum Syara’ tetapi sebelum *iqrar* tersebut diterima ianya hendaklah dipastikan yang ianya dilakukan oleh orang yang berakal, *baligh* di dalam kebanyakan kes, *mumayyiz*, dilakukan secara sukarela, sedar, tanpa ugutan, desakan dan paksaan, bersungguh-sungguh dan tiada tohmah dalam perkara yang di *iqrarkan*. Dalam hubungan ini, Mahmasani menyatakan bahawa *iqrar* hendaklah dilakukan secara *mutlaq* tanpa syarat, ikatan atau kait mengait dengan perkara lain. Jika ianya dikaitkan dengan perkara lain dan tidak *mutlaq* sebahagian ulama berpendapat bahawa *iqrar* tersebut tidak sah. (*Subhi al-Mahmasani, Falsafah al-Tasyri’ fi al-Islam*, Dar al-Kasyaf, Beirut, tahun 1952, halaman 233)“.

Di dalam kes yang dirujuk ini, Kadi Yang Arif di Mahkamah Kadi Seremban, Negeri Sembilan, telah memutuskan jatuh talaq tiga apabila suami telah ber*iqrar* melafazkan, "Saya cerai engkau, saya cerai engkau, saya cerai engkau," kepada isterinya. Yang Arif Kadi tidak memanggil saksi-saksi yang ada dan tidak menyelidiki tuntutan suami itu bahawa pada ketika dia melafazkan talaq itu, fikirannya tidak betul dan dia kena sihir. Terkilan dengan keputusan Yang Arif Kadi si suami merayu ke Jawatankuasa Ulang Bicara Mahkamah Syariah Negeri Sembilan.

Setelah Mahkamah meminta pengakuan daripada OKT mengenai fakta-fakta ringkas kes, yang telah dikemukakan secara lisan oleh Pegawai Pendakwa Syarie, iaitu sama ada fakta-fakta ringkas kes yang telah dikemukakan itu benar, betul dan dipersetujui oleh OKT atau tidak. OKT dengan jelas membuat kenyataan bahawa fakta-fakta ringkas kes tersebut sebagaimana yang telah dikemukakan oleh Pendakwa Syarie adalah benar, betul dan dipersetujui oleh OKT serta diakui benar oleh OKT.

Sekali lagi, OKT membuat *iqrar* mengakui bahawa fakta-fakta ringkas kes yang telah dikemukakan oleh Pendakwa Syarie adalah benar, betul dan dipersetujui oleh OKT dan juga diakui benar oleh OKT.

Setelah *empat unsur* ke atas OKT sebagai mana di atas diberi pertimbangan oleh Mahkamah, Mahkamah berpuas hati mengenai perkara-perkara berikut :-

1. bahawa OKT faham pertuduhan ke atas dirinya;
2. bahawa OKT faham keadaan dan akibat pengakuan salah yang dibuat oleh dirinya itu;
3. bahawa pertuduhan ke atas OKT, ada diperuntukkan mengenai kesalahannya dari segi undang-undang; dan

4. bahawa fakta-fakta ringkas kes yang dikemukakan oleh Pendakwa Syarie yang mana telah pun dipersetujui oleh OKT menunjukkan ada terdapatnya kesalahan yang telah dilakukan oleh OKT dan pasangannya.

Mahkamah merekodkan pengakuan OKT, dan dengan yang demikian, OKT disabitkan atas kesalahan telah melakukan Khalwat yang mana boleh dikenakan hukuman didenda tidak melebihi RM 3,000 atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau dihukum dengan kedua-dua hukuman itu sekali mengikut peruntukan di bawah seksyen 31 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 itu. Mahkamah berpuas hati bahawa peruntukan subseksyen 96 (a) dan 96 (b) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001 telah dipatuhi sepenuhnya.

#### **{FAKTOR PEMBERATAN DAN PERINGANAN HUKUMAN KE ATAS OKT}**

Mengenai hukuman ke atas OKT, Mahkamah mengambil kira beberapa faktor yang berkait dengan kesalahan OKT dan rayuan peringanan hukuman (*mitigation*) OKT serta hujah Pegawai Pendakwa Syarie. Dalam soal ini, Tan Sri Sheikh Ghazali bin Haji Abd Rahman (Mantan Ketua Hakim Syari'e Malaysia) telah memberikan beberapa garis panduan bagaimana pertimbangan peringanan hukuman dalam kes-kes jenayah syariah perlu dilakukan. Perkara itu dinyatakan oleh beliau dalam kertas kerja beliau bertajuk "*Proses Penghakiman Dan Menjatuhkan Keputusan Di Mahkamah Syariah : Satu Penilaian*", JH XIX/II (1426H) 189, halaman 199-200 iaitu;

*"Faktor-faktor memberatkan hukuman dan meringankan hukuman yang mana boleh diketahui semasa rayuan meringankan hukuman atau "mitigation". Biasanya sebelum hukuman dijatuhkan terutama dalam kes jenayah Syariah, Hakim Syari'e akan memerhatikan faktor yang memberatkan hukuman dan faktor yang meringankan hukuman. Setelah kedua-dua faktor itu diambil kira dan*

*ditimbangan, barulah hukuman dijatuhkan. Secara tersurat, inilah asas pertimbangan Hakim-Hakim Syari'e sebelum hukuman dijatuhkan. Selalunya antara faktor yang boleh meringankan hukuman ialah pengakuan bersalah dan pernyataan taubat, pesalah bawah umur, rekod peribadi yang baik, kesan hukuman terhadap kesihatan pesalah dan kesalahan pertama kali dilakukannya. Manakala faktor-faktor yang boleh memberatkan hukuman pula ialah rekod buruk pesalah, taraf perkahwinannya, taraf pesalah di dalam masyarakat dan kedudukannya yang tinggi, kekerapan kesalahan dilakukan dan penggunaan kekerasan dan keganasan semasa melakukan kesalahan”*

Mahkamah ini mengambilkira pandangan beliau tersebut dan menjadikannya sebagai salah satu panduan asas dalam membuat pertimbangan hukuman ke atas OKT.

#### **FAKTOR-FAKTOR PEMBERATAN KES/HUKUMAN**

Kesalahan yang dipertuduhkan ke atas OKT dan pasanganya di dalam Mahkamah pada hari ini mengikut undang-undang adalah tuduhan melakukan khalwat dan merupakan satu kesalahan takzir yang diperuntukkan hukuman yang agak berat, boleh dikenakan hukuman mengikut di bawah seksyen 31 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001, iaitu boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu. Dan sabitan kesalahan ke atas OKT pula adalah melalui iqrar OKT. Di dalam kitab *al-Ta'zir fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*, oleh Dr. 'Abdul 'Aziz Amir, pada halaman 52 menyebut;

**ويعرفه الفقهاء بأنه عقوبة غير مقدرّة تجب حقاً لله أو لأدمى في كل معصية  
ليس فيها حد ولا كفارة وهو كالحدود في أنه تأديب استصلاح وزجر**

Yang bermaksud :

*“Fuqaha mentakrifkan takzir sebagai satu pembalasan yang tidak ditetapkan kadarnya, diwajibkan sama ada sebagai hak Allah atau hak manusia, di dalam setiap maksiat yang tiada pembalasan had (hudud) dan kaffarah, mempunyai tujuan yang sama seperti pembalasan had (hudud), iaitu memberikan pengajaran (ta’dib), mengadakan pemulihan (islah) dan mewujudkan ingatan yang menakutkan (zajr)”*.

**FAKTOR PEMBERATAN PERTAMA :** Mahkamah bersetuju dengan pandangan pihak Pendakwa Syari’e bahawa kesalahan yang dilakukan oleh OKT dan pasangannya adalah satu kesalahan yang berat dan amat-amat serius mengikut Hukum Syara’. Ini kerana perbuatan OKT dan pasangannya itu adalah termasuk dalam kategori MUQADDIMAH ZINA dan berhubung kait dengan kesalahan ZINA yang diharamkan dan amat dimurkai oleh Allah S.W.T.

*Zina* mengikut Hukum Syarak sebagai mana yang diberi takrifan oleh al-Mawardi di dalam *Kitab al-Ahkam al-Sultaniyyah*, halaman 223, diertikan sebagai, *“perlakuan seorang lelaki yang baligh dan beraqal memasukkan zakarnya melepasi takak zakar (hasyafah) ke dalam salah satu dari faraj atau dubur pihak yang tidak ada kaitan antara keduanya dan tidak secara syubhah”*.

Perkataan Zina tidak digunakan di dalam peruntukan undang-undang sebaliknya istilah Persetubuhan Luar Nikah digunapakai, sedangkan kedua-dua istilah tersebut mempunyai makna dan maksud yang sama. Situasi itu berkemungkinan untuk mengelakkan timbul silap faham kerana peruntukan hukuman dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Takzir (Terengganu) 2001 hanyalah dengan hukuman Takzir sahaja walaupun kesalahan itu termasuk dalam kategori kes Hudud.

Perbuatan Khalwat adalah satu perbuatan mungkar yang amat dibenci oleh Allah S.W.T dan merupakan antara dosa-dosa besar yang dijanjikan balasan dan ancaman yang begitu berat oleh Allah S.W.T. Di dalam surah al-Furqan, Allah

S.W.T. telah menggambarkan bahawa perbuatan Zina itu amatlah besar kemurkaan Allah dan balasan dosa ke atas pelakunya, dengan meletakkan kesalahan Zina sebaris dengan dosa-dosa besar yang lain seperti menyekutukan Allah S.W.T dengan yang lain, membunuh jiwa-jiwa tanpa hak yang dibenarkan oleh Allah dan sebagainya. Firman Allah S.W.T :

والذين لا يدعون مع الله الها آخر , ولا يقتلون النفس التي حرم الله الا بالحق , ولا يزنون, ومن يفعل ذلك يلق أثاما . يضاعف له العذاب يوم القيامة , ويخلد فيه مهانا الا من تاب ...

Maksudnya :

*“Dan mereka yang tidak menyembah Tuhan yang lain beserta Allah, dan tidak membunuh jiwa yang diharamkan Allah kecuali dengan yang hak (benar), dan tidak berzina. Dan barangsiapa yang berbuat yang demikian, maka dia akan mendapat balasan dosa. Nanti akan dilipatgandakan siksaan baginya pada hari kiamat, dan dia akan kekal di dalamnya dalam keadaan terhina. Kecuali orang yang mahu bertaubat kepada Allah....”*

Oleh kerana itulah, Allah S.W.T telah memerintahkan kepada umat manusia supaya jangan mendekati dan menghampiri perbuatan Zina dan larangan itu adalah dalam bentuk *perintah yang wajib* mengikut Hukum Syara'. Justeru itu, sebagaimana murkanya Allah S.W.T kepada perbuatan Zina, begitulah juga dengan perbuatan menghampiri perbuatan Zina juga dimurkai oleh Allah S.W.T. Perbuatan Khalwat ini adalah termasuk dalam kategori sebagai menghampiri melakukan perbuatan Zina, sama ada perbuatan Zina yang sebenar telah berlaku atau tidak antara OKT dan pasangannya sebelum dari itu, hanya mereka yang tahu dan Allah S.W.T. Maha Mengetahuinya.

Banyak terdapat larangan Allah tentang perbuatan Zina di dalam al-Qur'an dan juga ancaman terhadap pelakunya di dalam al-Hadis, menunjukkan betapa serius dan amat besarnya kesalahan itu pada hakikat sebenarnya di sisi Allah S.W.T. Tetapi, di dalam dunia hari ini kesalahan atau perbuatan tersebut seolah-olah dipandang biasa dan remeh sahaja. Oleh itu, penguatkuasaan undang-undang dan hukuman yang tegas perlu dibuat ke atas mana-mana individu yang



terlibat untuk memastikan hak Allah ini dijaga dan dipelihara dengan sebaik-baiknya.

**FAKTOR PEMBERATAN KEDUA :** Mahkamah juga membenarkan hujah pihak Pendakwa Syari'e bahawa perbuatan OKT ini secara umumnya telah dilarang dengan jelas oleh Allah S.W.T sebagaimana firmanNya di dalam Surah al-Isra' ayat 32 ;

**ولا تقربوا الزنى إنه كان فحشة وساء سبيلا**

Maksudnya :

*“Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan)”.*

Dalam huraianya kepada ayat di atas, Prof. Dr. Haji Abdulmalik Abdulkarim Amrullah (HAMKA), di dalam Tafsir Al-Azhar, Pustaka Nasional Pte Ltd, Singapura, cetakan ketiga, 1999, Jilid 6 pada halaman 4048, menyebut ;

*“Sekarang di dalam surat al-Isra' ini lebih dijelaskan lagi, yaitu jangan dekati zina ! Artinya, segala sikap dan tingkah laku yang dapat membawa kepada zina janganlah dilakukan. Hendaklah jauhi ! Karena apa ? Karena pada laki-laki ada syahwat setubuh dan pada perempuan pun ada. Apabila seorang laki-laki dengan seorang perempuan telah berdekatan, susah mengelakkan tumbuhnya gelora syahwat itu. Tepat artinya dari sebuah Hadis: “Kalau seorang laki-laki dan seorang perempuan telah khalwat berdua-dua maka yang ketiga adalah syaitan”. Ketika kita bertenang-tenang duduk sendiri akal kita dan pertimbangan budi dapat berbicara. Tetapi kalau seorang laki-laki telah berdua saja dengan seorang perempuan, akal budi tidak bicara lagi. Yang bicara ialah syahwat itu. Nafsu atau sex ! Dan apabila nafsu sex itu sudah terpenuhi, mungkin akal akan bicara dan menyesal. Tetapi sebelum terpenuhi, segala yang lain gelap belaka. Khalwat, yaitu berdua-dua saja laki-laki dengan perempuan adalah termasuk mendekati zina. Islam mengharamkan khalwat. Bahkan khalwat dengan mahram sendiri pun hendaklah dibatasi”.*

Di dalam kitab oleh al-Syahid Sayyid Qutb Rahimahullah, terjemahan Yusoff Zaky Haji Yacob, *Tafsir Fi Zilal al-Qur'an*, terbitan Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., Kota Bharu, Kelantan, cetakan pertama 2000/1420H, Jilid 10, halaman 190, menghuraikan ayat 32 Surah al-Isra' itu, antara lain menyebut ;

“Justeru itulah Islam menyekat jalan zina dengan menjauhi sebab-sebab yang mendorong ke arahnya untuk menjaga supaya seseorang itu tidak terjermus ke dalamnya. Kerana Islam melarang percampuran bebas di antara lelaki dan perempuan yang tidak perlu, mengharamkan khalwat dan perbuatan bersolek secara berlebihan...”

Di dalam kes ini OKT telah tidak mengendahkan larangan Allah tersebut, malah OKT juga telah tidak mematuhi sekatan jalan zina sebagai mana dinyatakan oleh ahli-ahli tafsir, termasuk sebagai mana di dalam tafsiran-tafsiran di atas. Berdasarkan kepada fakta kes semasa tangkapan dibuat, Mahkamah berpendapat bahawa OKT dan pasangannya adalah mempunyai motif untuk melakukan perbuatan yang dilarang oleh Allah S.W.T itu dan sekaligus mempunyai motif untuk melanggar larangan Allah S.W.T tersebut. Oleh yang demikian hukuman kesalahan mengikut takzir adalah sangat patut dikenakan ke atas OKT.

Hukuman takzir bertujuan untuk memperbaiki, memberi pengajaran dan untuk menakutkan orang ramai (*zajr*) supaya tidak melakukan jenayah. Ia juga bertujuan untuk membersihkan masyarakat daripada perbuatan maksiat yang merosakkan. Bagi mencapai tujuan hukuman takzir ini, pertimbangan hukuman ke atas OKT dibuat berasaskan keadaan kesalahan yang dilakukan, rekod jenayah OKT, keadaan psikologi OKT dan juga cara pensabitan kesalahan yang dipertuduhkan ke atas OKT. Di dalam buku bertajuk “*Hukuman dalam Undang-Undang Islam: Satu Kajian Perbandingan*,” terbitan terjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia, cetakan pertama 1999, ada dinyatakan bahawa jenis-jenis hukuman takzir terdiri dari :-

1. teguran (*al-wa'z*)

2. teguran tegas (*al-tawbikh*)
3. ancaman (*al-tahdid*)
4. pemulauan (*al-hajr*)
5. pendedahan di khalayak ramai (*al-tasyhir*)
6. denda dan merampas harta benda (*al-gharamah wal-musadarah*)
7. hukuman penjara (*al-habs*)
8. sebat (*al-jald*)
9. hukuman mati (*al-ta'zir bi al-qatl*)
10. ta'zir sebagai satu hukuman tambahan.

Walaupun begitu, perkara-perkara tersebut tidak diperuntukkan di dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Ta'zir (Terengganu) (2001) ini, sebaliknya hanya menetapkan 5 jenis hukuman iaitu amaran, denda, jaminan berkelakuan baik, ditahan di pusat pemulihan dan penjara sahaja tanpa sebarang pilihan lain. Oleh itu Mahkamah perlu membuat pertimbangan yang wajar agar hukuman yang dibuat adalah bersesuaian dengan kesalahan dan kedudukan OKT serta mampu untuk merealisasikan matlamat pencegahan, pengajaran dan pemulihan sebagaimana dalam konsep Takzir.

**FAKTOR PEMBERATAN KETIGA :** Mahkamah juga mengambil kira hujah pihak Pendakwa yang menyatakan bahawa hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan khalwat di bawah Seksyen 31 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Terengganu 2001 "Denda tidak melebihi RM 3,000.00 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali". Walaupun pada hakikatnya kadar berat dan besarnya kesalahan tersebut adalah tidak sama dan amat berbeza mengikut Hukum Syara'.

Kesalahan Khalwat merupakan perbuatan berkurung, berdua-duaan atau duduk berhampiran yang menimbulkan syak melakukan perbuatan tidak bermoral

mengikut Hukum Syara'. Seksyen 31 (a) & (b) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Ta'zir (Terengganu) (2001) memperuntukkan;

### **Khalwat**

31. Mana-mana –

- (a) orang lelaki yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang perempuan yang bukan isteri atau mahramnya ; atau
- (b) orang perempuan yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang lelaki yang bukan suami atau mahramnya ;

dimana-mana tempat yang terselindung atau di dalam rumah atau bilik dalam keadaan yang boleh menimbulkan syak bahawa mereka sedang melakukan perbuatan yang tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan **boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.**

Manakala, perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah adalah perbuatan yang sebenarnya telah hampir berlaku perbuatan Zina yang sebenar. Seksyen 29 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Ta'zir (Terengganu) (2001) memperuntukkan;

### **Perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah**

29. mana-mana orang yang melakukan apa-apa perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan **boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.**

Justeru itu, apa yang boleh difahami secara *tersirat* dari kedua-dua peruntukan tersebut, bahawa matlamat utama pihak yang menggubal undang-undang itu

ialah agar hukuman yang perlu dijatuhkan kepada pesalah yang disabitkan dengan kesalahan di bawah Seksyen 29, hendaklah lebih diberatkan berbanding kesalahan di bawah Seksyen 31(a) & (b).

**FAKTOR PEMBERATAN KEEMPAT** : Mahkamah mengambil kira hujah pemberatan hukuman ke atas OKT oleh pihak Pendakwa berdasarkan Fakta Perlakuan Kesalahan Yang Telah Dilakukan Oleh OKT. Berdasarkan kepada fakta kes kesalahan OKT ini, terdapat beberapa perkara yang boleh dianggap salah satu faktor menjadikan kes ini adalah satu kes yang berat dan amat serius iaitu:

- iv. **Waktu kejadian**- kejadian berlaku pada waktu malam iaitu lebih kurang jam 01.10 pagi atau kebiasaannya disebut waktu lewat malam. Pada waktu tersebut umat Islam digalakkan merehatkan tubuh badan mereka dan bersedia untuk bangun untuk melakukan solat sunnat Tahajjud dan memperbanyakkan sujud dan doa kepada Allah S.W.T, kerana waktu selepas tengah malam itu adalah antara waktu yang mustajab doa seseorang hamba kepada Allah S.W.T. Malangnya OKT pada masa itu berada di dalam sebuah bilik bersama dengan seorang perempuan yang tidak mempunyai apa-apa hubungan yang boleh menghalalkan perbuatan mereka. Oleh hal yang demikian, keadaan tersebut menimbulkan syak bahawa OKT dan pasangannya melakukan perbuatan yang tidak bermoral mengikut hukum syara'. Perbuatan OKT dan pasangannya itu adalah satu perbuatan mungkar yang amat dilarang oleh agama sebagaimana dalam fakta kes kejadian (P1).
- v. **Tempat kejadian** – kejadian berlaku di dalam sebuah bilik yang disewa di sebuah resort, dimana tempat itu adalah tempat yang agak privasi untuk bercuti. Justeru itu, Apabila OKT dan pasangannya berada dalam bilik tersebut, tiada siapa yang tahu apakah yang berlaku atau dilakukan oleh OKT dan pasangannya itu dan mereka bebas untuk melakukan apa sahaja tanpa perlu merasa takut dan

bimbang serta malu untuk melakukan perbuatan yang tidak bermoral itu, sedangkan OKT dan pasangannya tidak mempunyai sebarang ikatan yang membolehkan mereka berdua berada dalam keadaan sebegitu.

- vi. **Status diri OKT**- OKT dan pasangannya adalah orang dewasa dan OKT berusia 27 tahun semasa kejadian dan pernah berumah tangga serta status terkini adalah seorang duda. Mahkamah juga bersetuju dengan hujah Pendakwa bahawa dengan umur sedemikian OKT mampu membezakan sesuatu perbuatan itu samada baik atau buruk halal mahupun haram.

**FAKTOR PEMBERATAN KEENAM** : Mahkamah memberi pertimbangan kepada hujah pihak Pendakwa bahawa keadaan diri OKT dan rayuan yang dibuat di dalam Mahkamah adalah tidak menampakkan bahawa OKT benar-benar insaf dan bertaubat atas kesalahannya.

Melalui pengamatan Mahkamah, keadaan dan perwatakan diri OKT adalah lebih banyak bersahaja ketika prosiding kes berjalan di dalam Mahkamah. Mahkamah tidak dapat melihat dengan jelas wujudnya riak keinsafan dan kesedaran pada OKT sepanjang prosiding kes berjalan. Begitu juga semasa OKT membuat rayuan pengurangan hukuman ke atas dirinya. Mahkamah dapati OKT lebih banyak membuat rayuan agar diringankan hukuman sahaja dan tidak menyatakan kepada Mahkamah tentang keadaan dirinya dan kenapa hukuman itu perlu diringankan dan juga tidak menyatakan apakah tanggungan ke atas dirinya sehingga Mahkamah sendiri yang mengambil inisiatif bertanya secara *inquisitorial* kepada OKT bagi tujuan mendapatkan gambaran keadaan OKT bagi tujuan pertimbangan dalam hukuman.

**FAKTOR PEMBERATAN KETUJUH** : Mahkamah bersetuju dengan hujah pihak Pendakwa bahawa faktor kemaslahatan umum atau kepentingan awam

terhadap satu-satu kesalahan yang dilakukan oleh pesalah juga hendaklah diambil kira.

Mahkamah suka menegaskan tujuan utama pelaksanaan hukuman takzir dalam syariat Islam ialah pencegahan dan pengajaran di samping pemulihan dan pendidikan. Di samping itu, terdapat berbagai-bagai tujuan lain lagi. Pencegahan ertinya mencegah pesalah dari mengulangi kesalahannya di samping mencegah orang lain juga dari melakukan perbuatan serupa itu. Oleh kerana pencegahan merupakan antara tujuan utama Takzir, maka hukuman yang dibuat mestilah boleh mencapai tujuan ini. Ianya mungkin berbeza di antara satu kes dengan satu kes yang lain kerana ada orang yang boleh dicegah melalui nasihat sahaja dan ada yang perlu dihukum.

Justeru, kerana kebanyakan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah sebelum ini adalah dalam bentuk denda, manakala hukuman penjara walaupun diperuntukkan namun ia amat jarang digunakan, telah menyebabkan matlamat pengajaran dan pencegahan yang dikehendaki oleh Islam tidak benar-benar tercapai. Ini kerana hukuman melalui pembayaran denda adalah terlalu ringan terutama bagi individu-individu yang berkemampuan dan nilai maksimum RM 3,000.00 adalah suatu nilai yang sedikit dalam pandangan dunia hari ini. Justeru itu, faktor kadar hukuman juga menjadi penyebab kepada kurangnya timbul kesedaran, keinsafan atau takut terhadap pihak yang melakukan kesalahan dan sekaligus matlamat pencegahan kepada kemaslahatan awam tidak berjaya atau gagal memberi kesan. Melalui pengamatan Mahkamah sendiri, kes-kes yang melibatkan kesalahan khalwat dan perbuatan persediaan melakukan perisetubuhan luar nikah dan kemungkinan berlaku Zina sebenarnya tidak pernah berkurang, bahkan berdasarkan bilangan kes, semakin bertambah dan menunjukkan keadaan masyarakat Islam Melayu di negeri Terengganu ini masih lagi belum mempunyai tahap kesedaran atau keimanan yang sepatutnya yang boleh menghalang mereka dari melakukan perbuatan yang tidak bermoral dan

bercanggah dengan hukum Syara' itu. Oleh itu, suatu hukuman yang sewajarnya perlu ditimbang dalam kes ini bagi memastikan matlamat tersebut boleh dicapai.

Saya juga ingin menarik perhatian masyarakat awam dengan membuat perbandingan dengan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Sivil dimana saya berpendapat sebenarnya hukuman yang dijatuhkan oleh kebanyakan Mahkamah Syariah masih terlalu kecil jika hendak dibandingkan dengan jenis kesalahan yang dilakukan. Saya memetik laporan berita didalam akhbar Utusan Malaysia bertarikh 11 Oktober 2006 dimana pesalah; Mohd Suhaily telah dijatuhkan hukuman penjara selama 12 bulan kerana disabitkan bersalah mencuri wang sebanyak RM14.85 dari sebuah surau kerana dianggap mencemarkan kesucian agama dengan perbuatan mencuri hasil derma daripada orang ramai dari tempat suci dan tambahan 1 bulan penjara kerana gagal menunjukkan pengenalan diri semasa ditahan. Suka Saya menarik perhatian kepada semua dalam penghakiman Saya ini dengan soalan adakah kesalahan yang dilakukan oleh OKT dan pasangannya ini tidak serius berbanding kesalahan Mohd Suhaily di atas? Bahkan suka saya menyebutkan beberapa kes mutakhir di Mahkamah sivil yang mana YA Hakim telah menjatuhkan hukuman denda yang tinggi dan turut menjatuhkan hukuman penjara dalam kesalahan-kesalahan yang kadang-kadang dianggap kecil tetapi sebenarnya mempunyai implikasi sosial yang besar seperti kesalahan mencuri di pasar raya, memecahkan telefon awam, membuat panggilan palsu kepada pihak Polis, Bomba dan sebagainya.

Saya berpendapat hukuman-hukuman penjara yang dikenakan oleh Mahkamah Sivil di atas walaupun kadar kesalahannya pada pandangan umum tidaklah begitu berat, adalah lebih kepada faktor kepentingan Awam atau kemaslahatan umum. Ia lebih kepada maksud atau matlamat untuk memberi peringatan dan menimbulkan rasa takut kepada pesalah tersebut dan juga semua masyarakat



umum di luar sana agar tidak melakukannya. Ini kerana perbuatan atau kesalahan-kesalahan tersebut walaupun kelihatan seperti kecil atau remeh, tetapi akibat dari perbuatan tersebut adalah amat besar dan serius kepada kemaslahatan awam dan Negara iaitu boleh menimbulkan kecelaruan, kehuru-haraan, perasaan takut dan tidak aman serta menyusahkan banyak pihak. Oleh itu, Saya berpendapat suatu hukuman yang sewajarnya perlu ditimbang dalam kes ini bagi memastikan matlamat kepentingan awam tersebut boleh dicapai.

### **FAKTOR PERINGANAN KES/HUKUMAN**

Beberapa faktor yang boleh diambil kira oleh Mahkamah bagi meringankan hukuman yang akan dijatuhkan ke atas OKT iaitu :

**FAKTOR PERINGANAN PERTAMA** : Pengakuan Bersalah OKT - Pengakuan bersalah atau *iqrar* yang dibuat oleh OKT memberikan satu gambaran atau *qarinah* kepada Mahkamah bahawa OKT benar-benar mengetahui dan memahami tentang kesalahan yang telah dilakukan dan juga menunjukkan OKT benar-benar sedar bahawa dirinya adalah bersalah kerana melakukan kesalahan tersebut. Sekiranya tidak wujud perkara tersebut, sudah tentu OKT tidak membuat pengakuan bersalah kerana implikasi dari pengakuan bersalah itu OKT boleh dan akan dikenakan hukuman yang sewajarnya sebagaimana yang telah diperuntukkan di dalam undang-undang.

Walaupun pun begitu, pengakuan bersalah dalam kes-kes jenayah syariah terutama jenayah Hudud dan Qisas sebenarnya tidak memberikan apa-apa kesan dalam konteks peringanan hukuman ke atas pesalah bahkan pengakuan salah adalah kaedah pembuktian yang terbaik dalam mensabitkan sesuatu kesalahan dan membuat hukuman. Ini kerana di dalam jenayah HUDUD ia melibatkan Hak ALLAH dan tidak ada budi bicara pertimbangan dalam hukuman tersebut tetapi boleh diketepikan apabila wujud keraguan. Manakala dalam jenayah

QISAS pula ia melibatkan Hak HAMBIA dan belas ihsan dan pengampunan dari pihak atau keluarga pihak yang teraniaya itu akan diambil kira dalam melaksanakan hukuman.

Manakala jenayah takzir adalah merangkumi hak-hak Allah dan hak-hak hamba dan memperuntukkan hukuman yang tertentu dan juga tidak terhad, sebaliknya diberikan ruang kepada Pemerintah untuk mengenakan hukuman yang sesuai kepada pesalah yang melakukan kesalahan setelah diambil kira beberapa faktor dan matlamat takzir itu sendiri. Oleh itu, pengakuan bersalah yang dibuat oleh OKT ini boleh diambil kira oleh Mahkamah ini untuk dijadikan satu asas bagi tujuan meringankan hukuman ke atas OKT dengan pandangan dan dapatan bahawa OKT benar-benar tahu dan sedar bahawa dirinya adalah bersalah kerana melakukan perbuatan yang diharamkan oleh Allah S.W.T.

**FAKTOR PERINGANAN KEDUA: Pernyataan Bertaubat** – Saya dapati bahawa OKT semasa membuat rayuan peringanan hukuman (*mitigation*) adalah dalam keadaan yang lebih mirip kepada sikap bersahaja dan Saya tidak nampak riak wajah OKT yang menggambarkan bahawa OKT benar-benar telah merasa sedar dan insaf serta bertaubat atas perbuatan salah yang telah dilakukan olehnya itu. OKT dalam rayuannya hanya menyebut perkataan ;

*“Saya mohon hukuman ke atas saya diringankan”*

Seterusnya, tidak ada pernyataan dari OKT yang boleh menggambarkan maksud bahawa OKT benar-benar telah insaf dan bertaubat serta merasa teramat malu di atas perbuatan yang dilakukan itu. Begitu juga keadaan perwatakan OKT sepanjang prosiding kes berjalan termasuk semasa membuat rayuan peringanan hukuman, Saya dapati keadaan OKT tidak menampakkan bahawa OKT benar-benar telah menginsafi akan kesalahannya itu. Oleh itu, Saya berpendapat faktor peringanan kedua ini perlu diberi penilaian dan dihalusi dengan sebaiknya untuk pertimbangan yang sewajarnya oleh Mahkamah ini bagi tujuan peringanan hukuman ke atas OKT.

**FAKTOR PERINGANAN KETIGA : Kesalahan Kali Pertama** – Saya berpuashati berdasarkan rekod mahkamah sendiri dan tidak ada sebarang kenyataan dibuat oleh pihak pendakwaan, bahawa kesalahan ini merupakan kesalahan yang pertama OKT dari sudut OKT didakwa di Mahkamah dan disabitkan bersalah dengan sesuatu kesalahan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Ta'zir (Terengganu) (2001). Fakta ini boleh membantu Mahkamah dalam mempertimbangkan hukuman ke atas OKT dengan mengambil kira bahawa OKT bukanlah seorang yang seringkali bergelumang dengan kesalahan dan maksiat dan kemungkinan untuk OKT memperbaiki kesilapan yang dilakukan olehnya itu adalah besar.

Dalam konteks jenayah Syariah HUDUD dan QISAS, kaedah kesalahan kali pertama tidak memberi apa-apa kesan dari sudut peringanan hukuman ke atas pelakunya kerana hukumannya telah pun ditentukan kadarnya secara nas. Manakala dalam kes jenayah Ta'zir pertimbangan dan budi bicara pemerintah diberikan seluasnya. Oleh itu faktor kesalahan kali pertama boleh diberikan pertimbangan setakat mana OKT itu dalam pandangan Mahkamah boleh diberi peluang serta berpeluang untuk memperbaiki dan memperbetulkan syakhsiah dirinya dan setakat mana OKT boleh mengambil pengajaran dari kesalahan pertama yang dilakukan.

Apa yang pasti, Mahkamah hendaklah memastikan bahawa hukuman ke atas OKT ini boleh menimbulkan satu perasaan gerun dan rasa berat tertanggung ke atas jiwa OKT yang boleh menyedarkannya dan dalam masa yang sama boleh mencegah serta menghalang OKT dari mengulangi kesalahan yang serupa pada masa akan datang. Hukuman tersebut juga boleh memberikan kesan yang hampir sama kepada masyarakat Islam yang berada di dalam dewan Mahkamah ini pada hari ini dan juga yang berada di luar sana yang memerhatikan dan tahu tentang kes ini.

## RUMUSAN MAHKAMAH

Mahkamah perlu membuat pertimbangan yang sewajarnya di antara dua kategori faktor yang boleh memberatkan dan juga yang boleh meringankan hukuman ke atas OKT ini agar hukuman yang dijatuhkan ke atas OKT benar-benar boleh mencapai matlamat yang dimaksudkan dalam Jenayah Syariah Takzir.

Di akhir penghakiman ini, suka Mahkamah mengemukakan satu kes sivil yang menjadi panduan yang dipakai oleh Mahkamah Sivil Malaysia dalam soal ini iaitu kes *common law* Inggeris, *R v Kenneth John Ball Cr App R 164*. Dalam kes ini, *Hakim Hilberg* mengatakan;

*“Undang-undang kita, oleh kerana itu, tidak menetapkan hukuman tertentu untuk sesuatu jenayah, tetapi menetapkan hukuman maksimum dan membiarkannya kepada Mahkamah untuk memutuskan apa hukumannya dalam lingkungan maksimum itu, hukuman yang setimpal untuk tiap-tiap satu jenayah mengikut keadaan tertentu sesuatu kes...Adalah kerana sebab itu, dan dengan pertimbangan tujuan-tujuan ini, bahawa sebelum hukuman dijatuhkan Mahkamah telah biasa dengan keterangan yang didengar sebelumnya dan perwatakan tiap-tiap seorang yang didapati bersalah...Latarbelakang, hal sebelumnya dan perwatakan tertuduh dan keseluruhan gaya dan tingkahlakunya di dalam Mahkamah boleh menunjukkan ada peluang baginya berubah sekiranya kemurahan atau kelembutan hati (*leniency*) dapat dipanjangkan kepadanya, sebaliknya mungkin terlihat bahawa suatu pengajaran yang perit lebih sesuai diberikan kepadanya untuk menghentikan kerjaya jenayahnya”*

Berdasarkan kepada alasan penghakiman yang dinyatakan di atas, Saya berpendapat untuk mewujudkan ingatan yang menakutkan (*zajr*) atau memberi pengajaran kepada OKT dan masyarakat yang meneliti kes ini, dan setelah unsur-unsur di atas diambil kira, Saya berpendapat hukuman yang patut

dikenakan ke atas OKT, BMW BIN ABCD, KP: XXXXXX-11-51XX ialah di denda bagi tujuan memberikan peluang kepada OKT agar benar-benar menyedari kesilapan yang telah dilakukan dan diberikan pendedahan dan sokongan untuk memperbaiki setiap kesilapan tersebut.

Dalam konteks undang-undang syariah dan pelaksanaan di Mahkamah Syariah, Saya melihat selain hukuman yang lebih berorientasikan denda "*maliyyah*" atau dalam bentuk kewangan adalah ringan dan dipandang ringan serta keduanya dalam kebanyakan keadaan tidak boleh atau kurang memberikan pengajaran dan kesedaran kepada orang yang melakukan kesalahan. Mahkamah berpandangan dan mengambil pendekatan bahawa Mahkamah juga boleh memerintahkan agar pesalah ditahan di penjara bagi memberi pengajaran dan merasai perit bila melakukan kesal dan melanggar peraturan dan undang-undang.

### **HUKUMAN**

**SAYA SABITKAN** kamu, BMW BIN ABCD, **KP : XXXXXX-11-51XX** dengan kesalahan melakukan perbuatan Khalwat di bawah seksyen 31(a) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 di atas iqrar (pengakuan salah) kamu, **DAN SAYA HUKUM** ke atas kamu dengan hukuman denda RM 1,500.00 atau penjara 2 bulan sekiranya gagal membayar denda.hukuman berkuatkuasa serta merta.

**DIBERI** dengan ditandatangani oleh saya dan dimeterai dengan Meterai Mahkamah Rendah Syariah Daerah Setiu Terengganu pada hari ini Isnin, 00 Rabiul Akhir 14XX H, bersamaan 00 November 20XX .

**Meterai**

**Hakim Syarie**

